

Belajar Bahasa Inggeris tidak lunturkan semangat nasionalis Melayu

LIMA 2002

KUALA LUMPUR 1 Mei — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, semangat nasionalis orang Melayu tidak akan luntur dengan mempelajari bahasa-bahasa lain termasuk Bahasa Inggeris.

Menurut Perdana Menteri, banyak nasionalis Melayu suatu ketika dahulu mempunyai semangat juang yang tinggi walaupun menguasai Bahasa Inggeris.

Beliau berkata, seseorang yang gagal menguasai Bahasa Inggeris mungkin akan ketinggalan dalam dunia yang semakin maju.

“Setiap rakyat termasuk kakitangan kerajaan perlu cekap mengasai Bahasa Inggeris untuk menjadikan seseorang itu lebih berilmu,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika sesi dialog pada majlis Perhimpunan Hari

Pekerja 2002 Bagi Anggota Sektor Awam di Institut Tadbiran Awam Negara (Intan), Bukit Kiara di sini, hari ini.

Perdana Menteri seterusnya berkata, Bahasa Inggeris merupakan bahasa ilmu yang digunakan di seluruh dunia.

Tanpa penguasaan bahasa itu, kata Dr. Mahathir, Bahasa Melayu juga tidak boleh diperkembangkan.